

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulkaedah 1445H/ Mei 2024

ACIS

Talkin dalam Neraca Syarak 3

Membimbing dengan cara yang baik,
bukan menjadikan yang baik 6

Daging Kultur 7

Hikmah Dalam Kehidupan 9

Rezeki dalam Perniagaan 10

Kemeriahan Sambutan Hari Raya
ACIS, UHEI & ALUMNI Negeri
Sembilan 1445H dan Majlis Persaraan
Ustazah Norlela 12



e-ISSN 2600-8289



9 772600 828001

Yakini Hikmah dalam Kehidupan

Oleh:

Husnul Rita Binti Aris

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Seringkali kali manusia mengeluh ataupun menyesal dalam kehidupan. Sama ada di peringkat kecil, persekolahan, dewasa, bekerja, berkahwin, pencen, alam usia emas, dan lain-lain lagi. Itu realiti yang berlaku. Menyesali takdir yang Allah SWT dah tentukan. Hakikatnya apa yang Allah telah tentukan itu semuanya ada hikmahnya lambat atau awal, di dunia atau di Akhirat, semasa hidup ataupun selepas dibangkitkan di padang mahsyar. Itu semua adalah ketentuan daripada Allah SWT. Firman Allah SWT bermaksud "...Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu; Allah mengetahui, sedang kamu tidak mengetahui". (al-Baqarah, ayat 216)

Daripada firman Allah SWT jelas telah menunjukkan bahawa ketentuan itu datang daripada Allah SWT. Sama ada yang baik atau yang buruk. Ini menunjukkan kepentingan kita beriman kepada Allah SWT tanpa sebarang syak dan ragu-ragu. Kemungkinan sesuatu yang berlaku seperti ditimpa penyakit, kekurangan, kemiskinan, kegagalan, kesedihan, ditipu, kematian, dan lain-lain lagi adalah satu ujian. Namun hakikatnya, ianya ada hikmah di sebaliknya.

Sebagai contoh, kita gagal dalam sesuatu perkara, namun demikian Allah telah tentukan yang terbaik buat kita dalam perkara lain atau lambat berjaya kemungkinan Allah telah janjikan masa dan waktu yang sesuai untuk kita mencapai kejayaan tersebut. Ianya ada hikmah. Hikmah sama ada kebaikan atau kejayaan yang Allah berikan kemudian bagi menggantikan sesuatu perkara yang Allah SWT telah tentukan atau setelah Allah menguji manusia tersebut. Ingatlah setiap kesukaran ada kesenangan yang Allah SWT telah janjikan beserta ganjaran yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam surah al-Syarh 5-6 bermaksud "*oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. (sekali lagi ditegaskan), bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan*".

Ini jelas Allah menekankan bahawa setiap kesusahan pasti ada kesenangan seperti mana Allah telah mengulangi sebanyak 2 kali dalam surah ini. Yakinitah janji-janji Allah kepada hamba-hambanya yang beriman bahawa selepas melalui kesukaran, akan ada cahaya kesenangan dan kegembiraan selepas itu.

Selain itu, kita tidak boleh menilai seseorang itu dari aspek luaran sahaja kerana kita bukan Tuhan untuk menentukan dan menjatuhkan hukuman pada seseorang itu. Boleh jadi orang yang kita lihat itu lebih baik daripada kita. Dan janganlah kita terus merasa diri bangga atau bongkak dengan segala yang kita ada melebihi orang lain, kemungkinan itu adalah satu ujian buat kita agar kita tidak lupa kepada Allah sepanjang masa. Dan bukan kita terus membuat maksiat kepada Allah, akan tetapi Allah menyuruh manusia agar berusaha untuk terus memperbaiki diri, terus membuat kebaikan serta terus beriman serta yakin kepadanya sentiasa hingga akhir hayat kita. Itulah namanya HIKMAH dalam kehidupan ini.

